

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Ketua isi rumah miskin tegar meningkat lebih dua kali ganda

Ketua isi rumah miskin tegar meningkat lebih dua kali ganda

KUALA LUMPUR - Bilangan ketua isi rumah di Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin tegar kini meningkat kepada 144,932 setakat 30 Jun lalu.

ia susulan penggunaan metodologi pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2019 serta impak pandemik Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, jumlah itu meningkat lebih dua kali ganda berbanding 44,829 ketua isi rumah yang direkodkan tergolong dalam kumpulan itu pada tahun 2020.

Beliau menjelaskan, membasmi kemiskinan tegar juga merupakan salah satu sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) pada akhir tahun 2025.

"Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) merupakan

pelengkap kepada program sedia ada untuk menangani isu kemiskinan merentasi semua kaum dalam Keluarga Malaysia.

"Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan memudah cara pelaksanaan program ini," katanya di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Mohd Fasihah Mohd Fakeh (**Bersatu-Sabak Bernam**) yang meminta Perdana Menteri menyatakan bilangan rakyat negara ini yang dikategorikan sebagai miskin tegar bagi tempoh 2020



MUSTAPA

hingga terkini.

Mustapa yang merupakan Ahli Parlimen Jeli berkata, program pembasmian kemiskinan bukan sesuatu yang baharu kerana ia sudah bermula sejak kemerdekaan dan dipergiatkan pada tahun 1970-an melalui Dasar Ekonomi Baru.

Bagaimanapun, katanya, di bawah BMTKM, kaedah dan pendekatan dalam membasmi kemiskinan tegar adalah berbeza dan lebih holistik.

"Antaranya ialah dengan menubuhkan Unit Kemiskinan khusus pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah serta menggunakan pendekatan keseluruhan negara dan berdasarkan masalah setempat," ujarnya.